

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 16/08/2017 |

Visa elektronik tingkat keselamatan, pelancongan

BH-16/8/2017 pg. 2

➔ Program bantu promosi Malaysia lebih selamat untuk pelancong, komuniti perniagaan: PM

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

Program Visa Elektronik (eVISA) dilaksanakan sejak Mac tahun lalu membawa negara ke tahap keselamatan lebih tinggi, selain mempromosi Malaysia sebagai negara yang lebih selamat untuk rakyat, pelancong dan komuniti perniagaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan

juga yakin eVISA dapat membantu mempromosi negara sebagai pusat pelancongan, pendidikan, pelancongan kesihatan dan perubatan serta pelaburan antarabangsa yang tersohor dunia.

Pemohon visa bertambah

Katanya, sejak program itu diperkenalkan, jumlah pemohon visa dalam kalangan warga China contohnya meningkat 284,606 orang antara Mac 2016 hingga April lalu, selain 323,173 orang memohon melalui Pendaftaran dan Maklumat Perjalanan Elektronik (eNTRI).

“Bagi tempoh sama juga, permohonan visa bagi warga negara India turut meningkat 91.1 peratus, iaitu daripada 36,442 visa yang diluluskan pada Mac 2016 kepada 69,635 visa pada April lalu.

“Justeru, melalui penambahbaikan program ini, kita jangka mampu menarik lebih ramai pelancong, khususnya dari China dan India, terutama bagi

mereka yang ingin merasai pengalaman percutian melalui penawaran pelbagai pakej menarik dan unik dengan harga yang berpatutan,” katanya ketika berucap melancarkan program eVisa dan Pusat Komunikasi eVisa (eVCOMM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali.

Ketika ini, permohonan eVISA hanya boleh dilakukan oleh warga negara 10 negara, iaitu China, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Pakistan, Bangladesh, Bhutan, Serbia dan Montenegro.

eVISA membolehkan pelancong dan pelajar antarabangsa serta ekspatriat mendapatkan visa ke Malaysia dalam tempoh 48 jam, tanpa perlu ke Pusat Sehenti Setempat atau kedu-

taan dan konsulat seperti sebelum ini.

Hab Serantau eVisa

Perdana Menteri berkata, strategi Jabatan Imigresen menuhkan lapan Hab Serantau eVisa di seluruh dunia juga akan membuka lebih banyak peluang baharu, terutama bagi diaspora, selain memudahcara permohonan dan kelulusan eVISA kepada pemohon.

Najib turut mengumumkan penubuhan dua lagi Hab Serantau eVISA iaitu di Brasilia, Brazil dan Moscow, Russia menjelang akhir tahun ini, bagi memudahcara permohonan eVISA di rantau Amerika Selatan, Eropah Timur dan Asia Tengah.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat eVCOMM yang akan menjadi pusat rujukan tunggal bagi semua jabatan dan ibu pejabat imigresen berkomunikasi secara langsung dengan pegawai atase di luar negara.